

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

11 MAC 2019

ISNIN



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
KOSMO	SUNGAI KIM-KIM MASIH TERCEMAR	2
BERITA HARIAN	JAS JOHOR KENAL PASTI SUSPEK	3



KOSMO

Sungai Kim Kim masih tercemar

11/3/2019 (Isnin) perpus@hosen, (Kosmo)

PASIR GUDANG - Penduduk Kampung Bukit Pulai, Pasir Putih di sini bimbang dengan keadaan Sungai Kim Kim yang didakwa masih tercemar.

Mereka mendakwa, walaupun kerja-kerja pembersihan sudah dilakukan, keadaan sungai itu masih keruh dan berbau.

Zulkifly Kassim, 50, (**gambar kecil**) berpendapat, kerja-kerja pembersihan yang dijalankan di lokasi pembuangan sisa kimia masih belum mencukupi.


Katanya, kawasan sungai yang masih tercemar itu hanya boleh dilalui dengan menaiki bot.

"Jarak kawasan tercemar kira-kira 500 meter hingga satu kilometer (km) dari lokasi pembuangan sisa bahan kimia di bawah jambatan yang menghubungkan Taman Pasir Putih dan Taman Kota Masai.

"Pada mulanya saya terpanggil meninjau kawasan sungai yang lebih ke dalam kerana saya bimbang esok (hari ini) anak saya dan anak-anak penduduk lain akan mula sekolah," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Selepas mengambil keputusan meninjau menggunakan bot, dia mendapati terdapat banyak tompokan minyak di kawasan tersebut yang tersekat di satu kawasan dan tidak mengalir ke laut.

Seorang lagi penduduk, Nur Satria Rabu, 33, berharap keadaan sungai yang tercemar itu dapat dipulih segera memandangkan penduduk kampung memerlukan udara dan air sungai yang bersih.



KEADAAN Sungai Kim Kim di Pasir Gudang yang didakwa penduduk setempat masih tercemar dengan sisa bahan kimia.



KERATAN Kosmo 8 Mac 2019.

Dia yang bekerja sebagai nelayan di kawasan itu berkata, sumber rezekinya juga banyak terjejas sejak beberapa tahun ini memandangkan keadaan sungai yang tercemar.


"Dengan keadaan minyak begini, saya nak turun ke sungai pun bahaya, bau busuk masih kuat, ikan banyak mati, belum cakap pasal sampah lagi, memang sungai ini masih tercemar," ujarinya.

Sementara itu, Jabatan Bomba

dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor sedang berbincang dengan penduduk Kampung Bukit Pulai Pasir Putih di sini berhubung penemuan satu tompokan minyak hitam yang baharu dilaporkan oleh orang awam di kawasan sungai berhampiran.

Ketua Unit Pasukan Unit Bahan Berbahaya (Hazmat) Johor yang juga Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Tebrau, Saiful Bahri Safar berkata, tompokan itu dilaporkan dikesan pada jarak kira-kira satu kilometer dari tempat pembuangan sisa kimia pada Khamis lalu.

"Kita percaya tompokan itu adalah sisa kimia di Sungai Kim Kim yang terlepas ke kawasan pedalaman sebelum kerja-kerja pembersihan menggunakan 'oil boom' dilakukan pada Khamis," katanya.



BERITA HARIAN

Ms.8

Isnin, 11 Mac 2019 BH

→ ALAM SEKITAR

11/3/2019 R.H.

KES PEMBUANGAN SISA KIMIA BERBAHAYA SECARA HARAM

JAS Johor kenal pasti suspek

➔ Analisis Jabatan Kimia beri petunjuk baru dalam pengesanan terbahit

Oleh Mohamed Farid Noh farid_noh@bh.com.my

► Pasir Gudang

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor sudah mengenal pasti beberapa suspek utama kes pembuangan sisa kimia berbahaya secara haram ke Sungai Kim Kim, di sini, Khamis lalu.

Pengarahnya, Datuk Mohammad Ezani Mat Salleh, berkata antara suspek utama dikenal pasti ialah industri beroperasi berdekatan Sungai Kim Kim, dan siasatan rapi sedang dijalankan untuk tindakan susulan.

Katanya, JAS Johor memperoleh analisis data daripada Jabatan Kimia semalam, sekali gus mendapat petunjuk baru mengenai dalang terbahit.

Beliau berkata, analisis Jabatan Kimia itu berupaya mengecikan skop siasatan dan suspek yang disenaraikan sejak Jumat lalu.

"JAS Johor sudah mendapat petunjuk baharu dan siasatan kini ditumpu berdasarkan laporan analisis dikeluarkan Jabatan Kimia tadi (semalam).

"Beri sedikit masa untuk kami melakukan siasatan kerana dalang sebenar yang bertanggungjawab membuang secara haram sisa kimia berbahaya ke Sungai Kim Kim, hampir dikenal pasti dengan petunjuk ini.

Senarai pendek suspek
"Laporan analisis Jabatan Kimia yang mendedahkan sebahagian keterangan diberikan kerana ia membantu kami menyelesaikan kes ini," katanya. Sementara itu, jumlah mang-

katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Media sebelum ini melaporkan Mohammad Ezani sebagai berkata, kira-kira 30 industri menghasilkan sisa bahan kimia berhampiran sungai itu, selain beberapa syarikat perkapalan sedang diastasi JAS berikut insiden berkenaan.

Ditanya berhubung sebahagian kimia yang dikenal pasti Jabatan Kimia, Mohammad Ezani bagaimanapun enggan mengulas lanjut berikutan tidak mahu mengganggu siasatan JAS dan polis.

Maklumat sulit

Maklumat berkenaan sulit pada masa ini, namun akan diumumkan sebaik dalang utama insiden ini dikenal pasti sedikit masa lagi.

"JAS berterima kasih kepada orang awam yang tampil membantu siasatan, termasuk menerusi rakaman video mahupun keterangan diberikan kerana ia membantu kami menyelesaikan kes ini," katanya. Sementara itu, jumlah mang-

sa terhidu gas daripada sisa kimia dibuang ke Sungai Kim Kim, meningkat kepada 82 orang setakat tengah hari semalam berbanding 79 malam kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian Johor, Dr Sahrudin Jamal, berkata keseluruhan jumlah itu membabitkan 23 mangsa menerima rawatan sebagai pesakit luar, manakala 59 lagi dirawat di Hospital Sultan Ismail (HSI) sejak kejadian berkenaan dilaporkan.

"Daripada 59 orang terbahit, 34 sudah dibenarkan pulang, manakala 25 lagi masih dirawat di HSI," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, 18 mangsa ditempatkan di wad biasa, sementara tujuh dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU).

"Mereka yang ditempatkan di ICU membabitkan seorang melalui proses 'intubation', manakala enam lagi dalam pemerhatian. Keadaan mereka semua stabil," katanya.

Tompokan masih penuh sungai

Pasir Gudang: Lebih 150 penduduk Kampung Bukit Pulai di sini, yang terjejas akibat pencemaran gas metana Khamis lalu, bimbang dengan keselamatan mereka berikutanompokan hitam sisa kimia masih memenuhi sungai berhampiran.

Tjrajan BH di kampung itu yang terletak tidak jauh dari kawasan pembuangan sisa kimia secara haram di Sungai Kim Kim, mendapati warna air sungai terbahit kini bertukar hitam serta berbau masam selain hidupan sungai termasuk ikan mati dan terapung.

Penduduk, Nursatriya Rabu, 33, yang juga seorang nelayan, mendakwa masih banyakompokan hitam sisa kimia yang dibuang pihak tidak bertanggungjawab, terapung di kawasan bakau tidak jauh dari penempatan penduduk.

Tompokan hitam pekat

"Semalam (kelmarin), saya dan rakan turun ke laut untuk menangkap ikan namun apabila tiba di kawasan bakau di Sungai Kim Kim, kami terlampak banyakompokan hitam pekat dengan hidupan sungai terutama bangkai ikan terapung mem-



Keadaan Sungai Kim Kim masih dipenuhiompokan hitam dipercayai sisa bahan kimia berbahaya.

nih permukaan air di situ. "Kawasan bakau berkenaan tidak jauh dari kampung ini dan sisa kimia itu masih mengeluarkan gas."

"Pada waktu malam, udara berbau busuk itu dapat dihidu seluruh penduduk kampung.

Kami bimbang keselamatan terutama kanak-kanak dan bayi," katanya ketika ditemui di tepi Sungai Kim Kim, di sini, semalam.

Kejadian itu dipercayai berpunca daripada pembuangan bahan kimia oleh pihak yang

belum dikenal pasti, pada jam 2 pagi Khamis.

Sementara itu, seorang lagi penduduk terjejas, Zulkifli Kassim, 56, turut bimbang kerana dua sekolah terbahit berada tidak jauh dari kawasan Sungai Kim Kim.

(FOTO MOHD AZREN JAMALUDIN/BH)

